3. Richard Harris, Peter Sleight, Richard Webber 2005. *Geodemographic, GIS and Neighborhood Targeting*, John Wiley & Sons, Inc. New York.
4. Tim Cresswell 2014. *Place An Introduction*, John Wiley & Sons, Inc. New York.
5. Vincent J. Del Casino Jr. 2009. *Social Geography: A Critical Introduction*, John Wiley & Sons, Inc. New York.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AID2001: PENDEKATAN SISTEM DALAM GEOGRAFI FIZIKAL

AID2001: ANALYSIS OF PHYSICAL GEOGRAPHY SYSTEMS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini membincangkan penggunaan analisis sistem dalam mengkaji bagaimana sistem-sistem geografi fizikal berfungsi dalam konteks semula jadi dan apa akan berlaku bila sistem-sistem terjejas, samada secara semula jadi atau pun di sebabkan oleh manusia. Kursus ini mempunyai dua peringkat, dan bermula dengan menjelaskan konsep asas dalam pendekatan sistem termasuk definasi sistem, unsur sistem, kemasukan dan keluaran tenaga dan jirim, perhubungan dalam sistem, perhubungan sistem dengan alam sekitar sistem, konsep tahap mantap dan keseimbangan dinamik, konsep entropi dalam sistem, pendekatan fungsi dan struktur dalam analisis sistem, meknesma pelarasan dalam sistem, morfologi sistem, struktur lata, proses - gerak balas dan struktur kawalan sistem. Peringkat kedua melibatkan aplikasi konsep asas analisis sistem dalam mengkaji sistem-sistem utama geografi fizikal termasuk sistem global - Sistem Atmosfera Bumi, sistem rantauan -Sistem Vegetasi, Sistem Lembangan Saliran dan Sistem Pinggir Laut, dan sistem tempatan - sistem Cerun Bukit, Sistem Alur Sungai, dan sistem Tanah. Kursus ini juga akan membincangkan bagaimana isu-isu alam sekitar utama seperti Pemanasan Global, Banjir, Kegagalan Cerun dan lain-lain di sebabkan oleh penjejasan kepada perhubungan dinamik semula jadi dalam sistem-sistem geografi fizikal.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course discusses the use of systems analysis to understand how PGS functions in its natural state and how human activities could affect the natural equilibrium. The course is divided into TWO parts. Part 1 describes the fundamental concepts in systems analysis including, definitions, system properties, energy and matter, interrelationships, dynamic equilibrium, steady states, entropy, feedback mechanisms, systems thresholds etc. Part 2 applies these fundamental concepts to PGS at different scales of spatial resolution. These include the Earth-Atmospheric System, Regional Vegetation System, River Basin Systems, Coastal Systems and Coastal Systems.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menganalisis perhubungan yang wujud di dalam sistem-sistem geografi fizikal. 2. Mengenalpasti ciri-ciri genting yang terdapat di dalam sesuatu sistem dan peranan ciri genting dalam mempengaruhi keseimbangan sistem 3. Menjelaskan apa yang akan berlaku kepada perhubungan dinamik di dalam sistem semula jadi bila sistem tersebut di bangunkan manusia.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Analyse the cause-effect relationships within PGS.</i> 2. <i>Identify critical variables of systems and how they govern systems' stability.</i> 3. <i>Explain how human activities affect systems' equilibrium.</i>
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Huggett, R. 1980. Systems Analysis in Geography — Contemporary Problems in Geography. Clarendon Press. Oxford. 2. Chorley, R.J. and Kennedy, B.A. 1971. Physical Geography — A Systems Approach. Prentice-Hall International Inc. London.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AID2002: SISTEM INFORMASI GEOGRAFI

AID2002: GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pengenalan Sistem Informasi Geografi, prinsip dan metodologi asas Sistem Informasi Geografi (Geographical Information Systems, GIS). Penekanan akan diberikan kepada pembangunan pangkalan data yang terdiri daripada pengimbasan peta, georujuk peta, pendigitan peta dan kemasukan data ke dalam pangkalan data GIS. Selain itu, tumpuan akan diberikan kepada teknik pengolahan data, analisis data vektor dan raster serta manipulasi peta menggunakan perisian GIS dengan menggunakan teknologi informasi komputer.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course introduces students to the introduction of the Geographical Information System, basic principles and methodology of Geographical Information Systems (Geographical Information Systems, GIS). Emphasis will be given to the development of a database that consists of scanning the map, georeference maps, digitizing maps and data entry into the GIS database. Moreover, focus will be given to techniques of data processing, data analysis and manipulation of vector and raster maps using GIS software by using computer information technology.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghurai konsep, fungsi dan metodologi asas dalam Sistem Informasi Geografi. 2. Mengenalpasti keperluan rekabentuk, pembangunan pangkalan data atribut dan ruangan serta konsep model data Sistem Informasi Geografi 3. Menghuraikan teknik pengolahan, analisis data dan pemodelan secara ruangan dengan teknologi Sistem Informasi Geografi.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain the concept, function and basic methodology in Geographical Information Systems.</i> 2. <i>Identify the needs of design, development and database attributes as well as the concept of space Geographic Information System data model</i> 3. <i>Describe the processing techniques, data analysis and modelling in the room with the Geographic Information System.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Kang-tsung Chang 2013. Introduction to Geographic Information Systems, Mc Graw Hill, New York. 2. Longley P. et al 2010. Geographic Information Systems and Science. John Wiley. 3. Nasir Nayan 2010. Manual ArcGISTM: Amali ArcMapTM dan Arc CatalogTM, UPSI. 4. Tor Bernhardsen 2002. Geographic Information Systems: An Introduction 3rd Edition, John Wiley & Sons, Inc. New York. 5. Wilpen L. Gorr & Kristen S. Kurland 2011. GIS Tutorial Basic Work, ESRI Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 50% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 50%	

AIB2003: ANALISIS LOKASI DAN RUANGAN

AIB2003: LOCATION AND SPATIAL ANALYSIS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memberi penekanan khusus kepada kajian lokasi dalam ruang dan proses susunan ruang yang menjadi elemen penting di dalam pengajian geografi manusia. Kursus ini akan memeriksa beberapa teori asas dan konsep dasar berkaitan dengan aspek analisis lokasi dan proses ruang. Kursus akan meninjau keperluan pengubahsuaian terhadap prinsip-prinsip dan teori-teori asas tersebut dan penggunaannya secara umum dalam konteks dunia sebenar.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course will emphasize on the importance of locational analysis and spatial organization as a central tenet in the study of human geography. This course will go on to examine selected basic theories and theoretical concepts related to location and spatial processes. In the concluding section, the course will discuss the need for adaption and adjustments of these principles to fit the real world context.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenal pasti teori asas yang berkaitan dengan lokasi dan taburan dengan merujuk kepada fenomena geografi tertentu. 2. Mengkaji struktur beberapa model guna tanah dan pengangkutan. 3. Mengaplikasi model dalam konteks dunia sebenar berdasarkan data tertentu.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Identify basic geographical theories relating to location and spatial distribution of geographical phenomena.</i> 2. <i>Examine the structure of basic land use and transportation models.</i> 3. <i>Apply models in the context of the real world.</i>
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Hubbard, P., Kitchin, R., & Valentine, G. (Eds.). 2008. Key texts in human geography. London: SAGE Publications. 2. Gregory, D. dan Walford, R. 1989. Horizons in Human Geography. London: Macmillan. 3. Haggett, P. 1983. Geography: A Modern Synthesis. Harper & Row. 4. Abler, R., Adams, J.S. and Gould, P. 1971. Spatial Organisation: The Geographer's View of the World. Prentice-Hall. 5. Kent, W.A. and Bradford, M.G. 1981. Geografi Manusia: Teori-teori dan Penggunaannya. Fajar Bakti. 6. Haggett, P. 1965. Locational Analysis in Human Geography. Edward Arnold Ltd.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2004: GEOGRAFI PERBANDARAN *AIB2004: URBAN GEOGRAPHY*

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini akan mengkaji konsep dan teori perbandaran serta memahami bagaimana proses perkembangan bandar berlaku. Disamping itu imej bandar merupakan aspek penting yang wujud dalam proses perbandaran terutama dalam era perkembangan bandar masa kini. Kursus ini turut mengkaji implikasi perkembangan bandar yang tidak terlepas daripada isu dan masalah yang perlu ditangani.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The course will review concepts and theories to understand how the process of urbanization and urban development happen. In addition, the image of the city is an important aspect inherent in the process of urbanization, especially in today's era of development. The course also examines the implications of urban development cannot be separated from issues and problems that need to be addressed.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Memahami proses perkembangan bandar 2. Mengkaji imej bandar 3. Mengkaji isu dan masalah perbandaran	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Understand the process of urban development</i> 2. <i>Review the image of the city</i> 3. <i>Review the issues and problems of the municipality</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Knox and McCarthy. 2004. Urbanization: An Introduction to Urban Geography. and 2. Berry, Brian Joe Lobley. 1973. The Human Consequences of Urbanization: Divergent Paths in the Urban 3. Experience of the Twentieth Century. London: Macmillan. 4. Castells, M. 1989. The Information City: Information Technology, Economic Restructuring, and the Urban-regional Process. London: Blackwell. 5. McGee, T.G. and Robinson, I.A. 1995. The Mega-Urban Regions of Southeast Asia. UBC Press. 6. Johnston, R.J. (Ronald John) 1971. Urban Residential Pattern: An Introductory Review. Bell. 7. Lo, Fun Chen. 1996. Emerging World Cities in Pacific Asia. Tokyo: United Nations University Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2005: GEOMORFOLOGI *AIB2005: GEOMORPHORLOGY*

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bermula dengan menjelaskan kepada pelajar bahawa untuk memahami geomorfolgi perlu satu pendekatan asas yang menghalkan bidang geomorfologi sebagai kajian terhadap gerak balas permukaan bumi akibat tindakan daya-daya tegasan ricih keatas daya-daya rintangan ricih di permukaan bumi. Kursus ini seterusnya akan membincangkan mengapa lembangan saliran	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The thrust of this course is to understand how geomorphological systems functions. The course discusses within a systems approach perspective the relationships between energy, shear stress forces, resistances and responses of geomorphological systems. These relationships are discussed using the drainage basin and coastal systems as fundamental examples of geomorphological systems.</i>
--	---

adalah sistem geomorfologi yang terpenting di permukaan bumi, punca — punca tenaga utama sistem — sistem lembangan saliran, bagaimana perhubungan tenaga dan penjaan daya-daya tegasan, bagaimana sifat ciri — ciri lembangan saliran mengawal tindakan daya-daya tegasan dan bentuk gerak balas sistem yang terhasil. Pendekatan perhubungan tiga unsur utama persamaan geomorfologi ini juga di guna untuk memahami sistem geomorfologi tropika lembab (lembangan saliran).	<i>These systems are also the most affected by human activities and in many cases exhibits the occurrence of many examples of environmental hazards and disasters.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan bagaimana sifat ciri-ciri sistem geomorfologi mengawal tindakan daya-daya tegasan ricih. 2. Menjelaskan bagaimana sistem-sistem geomorfologi gerak balas kepada perhubungan daya tegasan ricih dan rintangan sistem. 3. Menggunakan beberapa teknik pemetaan, lapangan, makmal dan perisian komputer dalam analisis sistem — sistem geomorfologi.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain how system's characteristics governs shear stress forces within systems</i> 2. <i>Explain the relationships between shear stress forces, resistances and responses in geomorphological systems.</i> 3. <i>Use geomorphological techniques in geomorphological system analysis.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Selby, M.J. 1985. Earth's Changing Surface: An Introduction to Geomorphology. Clarendon Press. Oxford. 2. Chorley, R.J., Schumm, S.A. and Sugden, D.E. 1984. Geomorphology. Mawthuen. London. New York. 3. Embleton, C. and Thornes, J. 1979. Process in Geomorphology. Edward Arnold (Publishers) Ltd. London. 4. Goudie, A. et.al. 1981. Geomorphological Techniques. George Allen & Unwin. London. 5. Thomas, M.F. 1994. Geomorphology in the Tropics — A Study of Weathering and Denudation in Low Latitudes. John Wiley and Sons Ltd. Chichester.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2006: GEOGRAFI POLITIK

AIB2006: POLITICAL GEOGRAPHY

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini akan membincangkan teori dan konsep utama dalam geografi politik. Dengan menggunakan perspektif ruang, pelbagai teori akan dibincangkan dan mengaitkannya dengan perubahan geografi dan sosial. Seterusnya, perbincangan akan ditumpukan kepada pembentukan sesebuah negara: latarbelakang sejarah, sistem negara, hubungannya dengan negara lain dan cabaran yang dihadapi oleh sesebuah negara dalam 'dunia tanpa sempadan' dan proses 'globalisasi'.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course reviews the main theories and concepts underpinning political geography. By adopting spatial perspectives, it will introduce a variety of theories and relates it to the processes of social and geographical change. Then, this course will concentrate on the formation of the states: the background, the system, its relationship with the other states and the challenges faced by the state in the 'borderless world' and 'globalization' process.</i>
---	--

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Memperolehi kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi 2. Berfikir secara kritikal isu berkaitan dengan geografi, ruangan, kuasa dan negara 3. Mampu berkerjasama dalam menjalankan kertas projek 4. Menerapkan nilai etika dalam menjalankan penyelidikan.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Acquire the skills to communicate and interact</i> 2. <i>Think critical issues relating to geography, space, power and state.</i> 3. <i>Being able to collaborate in carrying out the project paper.</i> 4. <i>Applying ethics in research.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Agnew, J., Mitchell, K. dan Toal, G. 2003. A companion to Political Geography. Oxford: Blackwell Publishing. 2. Glassner, M.I. 1996. Political Geography. New York: John Wiley and sons. 3. Holt-Jensen, A. 1999. Geography, History and concepts. London: Sage Publications. 4. Johnston, R.J., Taylor, P.J. dan Watts, M.J. 2000. Geographies of global change. Oxford: Blackwell Publishers. 5. Short, J.R. 1993. An introduction to political geography. London: Routledge.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2007: KAEDAH KUANTITATIF GEOGRAFI

AIB2007: GEOGRAPHIC QUANTITATIVE METHOD

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini akan memperkenalkan teknik kuantitatif yang bersesuaian bagi menilai dan menjelaskan fenomena geografi dan alam sekitar. Penekanan akan diberikan kepada konsep dan aplikasi untuk menjelaskan sesuatu data serta mengkaji perhubungan dan perbezaan antara data. Penekanan juga akan diberikan kepada kaedah meramalkan sesuatu data menggunakan teknik regresi dan membuat kesimpulan dari analisis data yang dijalankan.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course will introduce appropriate quantitative techniques to assess and explain the geography and environmental phenomena. Emphasis will be given to concepts and to clarify the application of a data and studying the relationships and differences between data. Emphasis will also be given to methods of predicting a data using regression techniques and draw conclusions from data analysis conducted.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengaplikasi kaedah statistik diskriptif mengikut jenis data 2. Melaksanakan analisis bagi mengkaji perhubungan antara data 3. Melaksanakan analisis bagi mengkaji perbezaan antara data.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Carry out analysis to study the relationship between data</i> 2. <i>Carry out analysis to study the differences between data</i> 3. <i>Draw conclusions from data analysis</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Abd. Rahim Md Noor (1999) Kaedah Menganalisis Data Berkomputer, Fajar Bakti, Shah Alam. 2. Chuan Yan Piau (2006) Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan, Mc Graw Hill, Kuala Lumpur	

3. Freund, John (1979) Statistik Permulaan Moden, Prentice-Hall Inc., New Jersey.
4. Ebdon D (1985) Statistics In Geography 2nd Ed., Blackwell, Oxford.
5. Ishak Shari dan Ahmad Mohd. Yusof (1992) Pengantar Statistik Ekonomi, DBP Kuala Lumpur.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB2008: PENDERIAAN JAUH **AIB2008: REMOTE SENSING**

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang sejarah perkembangan penderiaan jauh dari awal dan terkini. Pelajar akan diberikan kefahaman tentang prinsip teknikal penderiaan jauh, serta mentafsirkan elemen-elemen mukabumi dari foto udara dan imej satelit serta latihan amali dalam memproses dan menganalisa data-data imej satelit dengan beberapa teknik pemprosesan.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

This course introduces students to the history of the early development of remote sensing and current. Students will be given an understanding of the technical principles of remote sensing and geological interpretation of the elements of aerial photographs and satellite images, as well as practical training in processing and analyzing the data of satellite images with some image processing techniques.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mendefinisi dan menerangkan tentang prinsip interaksi antara radiasi elektromagnetik dan objek-objek di permukaan bumi.
1. Menafsirkan dan mengelaskan imej penderiaan jauh berdasarkan elemen-elemen penafsiran secara visual.
2. Menerangkan tentang imej penderiaan dan serta data penderiaan jauh.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Defines and describes the principles of interaction between electromagnetic radiation and objects on the earth's surface.*
2. *To interpret and classify remote sensing images based on the elements of visual interpretation.*
3. *Explain what types of sensors and data and remote sensing.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Baret E.C and L.F. Curtis. 1999. Introduction to Environmental Remote Sensing. 4th Edition. Routledge. pp457.
2. Jensen, J.R. 2000. Remote Sensing of the Environment: An Earth Resource Perspective - 1st Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River. pp544.
3. JICA. 2006. Remote Sensing Course Notes and CD.
4. Thomas M. Lillesand, Ralph W. Kiefer and Jonathan W. Chipman. Remote Sensing and Image Interpretation. 5th Edition. John Wiley & Sons. pp784.
5. James B. Campbell. 2007. Introduction to Remote Sensing, 4th Edition, Taylor & Francis. pp621.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB2009: INTERAKSI MANUSIA-ALAM SEKITAR DI LAPANGAN

AIB2009: HUMAN-ENVIRONMENT INTERACTION IN FIELD

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan situasi sebenar dan bagaimana menjalankan penyelidikan di kawasan kajian yang telah dipilih. Kursus ini mendedahkan teknik-teknik kajian lapangan yang boleh digunakan seperti kaedah soal selidik, temubual, penggunaan alat-alat pengukuran seperti alat GPS dan juga menganalisa peta. Taklimat daripada badan-badan kerajaan dan juga badan bukan kerajaan juga akan diikuti. Data-data yang dikumpul akan dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk lisan dan bertulis.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course introduces the actual situation and how to conduct research in the area of research that has been selected. This course studies the techniques that can be used as a method of questionnaires, interviews, the use of measurement tools such as GPS devices and also analyze the map. Briefings from government bodies and non-governmental organizations will also be followed. The data collected will be analyzed and presented in oral and written form.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengaplikasikan kefahaman geografi melalui kajian terpilih yang dijalankan Membuat pembentangan hasil kajian 2. Mengaplikasikan teknik kajian lapangan dan analisis data dalam kajian yang dijalankan 3. Membincangkan isu interaktif manusia dan alam sekitar secara komprehensif. 4. Merumuskan kefahaman geografi terhadap isu sebenar di lapangan.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Apply an understanding of selected geographies through research conducted to make the presentation of the study results</i> 2. <i>Apply techniques of fieldwork and data analysis in the study</i> 3. <i>Discussing issues of human and environmental interactive comprehensively</i> 4. <i>Formulate a geographical understanding of the real issues on the ground</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Burgess, R. 1984. An introduction to field research, London: Routledge. 2. Perecman, Ellen. 2006. A handbook for social fields' research: essays & bibliography sources on research design and methods. Thousand Oaks: Sage Publications, 2006.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : Penilaian berterusan: 100% • Kehadiran / <i>Attendance</i> : 10% • Buku Log / <i>Log Book</i> : 10% • Pembentangan Kumpulan / <i>Presentation of the Group</i> : 40% • Laporan Individu / <i>Individual Reports</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : -	

AIB2010: GEOGRAFI PELANCONGAN

AIB2010: TOURISM GEOGRAPHY

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini akan meneliti pembangunan industri pelancongan menerusi masa dan ruangan daripada pelbagai aspek. Penekanan akan diberikan kepada aspek motivasi dan tipologi pelancong, dan impak ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar yang berkait dengan pelancongan. Perkembangan dan peranan industri pelancongan di Malaysia juga akan dikaji. Perbincangan juga akan tertumpu kepada beberapa isu dan persoalan yang berkait dengan pembangunan pelancongan seperti isu pencemaran, pembocoran kewangan dan keruntuhan moral.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course will examine the development of the tourism industry through time and space from various aspects. Emphasis will be given to aspects of motivation and typology of tourists, and the impact of economic, social, cultural and environmental issues related to tourism. Development and the role of the tourism industry in Malaysia will also be reviewed. Discussion will also focus on a number of issues and problems related to tourism development such as pollution issues, financial problem and moral collapse.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti jenis-jenis pelancong dan kesan mereka ke atas alam sekitar dan ekonomi. 2. Menjelaskan impak-impak yang disebabkan oleh pembangunan pelancongan. 3. Mengaplikasi teori-teori pelancongan dan menggunakannya dalam kajian.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Identify the types of tourists and their impact on the environment and the economy.</i> 2. <i>Describe the impacts caused by tourism development.</i> 3. <i>Apply theories of tourism and use them in research.</i>
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Conlin, Michael V. and Baum, Tom. Island Tourism: Management Principles and Practice. Chichester: John Wiley and Sons. 1995 2. Hall, C.M. and Page S.J. The Geography of Tourism and Recreation: Environment, Place and Space. London: Routledge. 1999. 3. Hunter, Colin and Green, Howard. Tourism and the Environment: A Sustainable Relationship. London: Routledge. 1995. 4. Pearce, Douglas. Tourism Today: A Geographical Analysis. New York: Longman. 1990. 5. Theobald, William F. Global Tourism: Third Edition. Oxford: Elsevier Inc. 2005.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2011: KAJI IKLIM **AIB2011: CLIMATOLOGY**

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini membincangkan sistem iklim sebagai satu entiti yang terdapat saling interaksi antara komponennya: atmosfera, hidrosfera, litosfera dan biosfera. Selain itu, tumpuan juga diberi pada imbalan tenaga bumi,edaran am atmosfera dan lautan serta cuaca dan iklim di kawasan tropika dan luar tropika. Pelajar akan didedahkan kepada sistem cuaca dan iklim seperti monsun, hurikan, siklon luar tropika dan sistem cuaca lain. Isu perubahan iklim juga akan dibincangkan.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The course will discuss the climate system as an entity where its various components — atmosphere, hydrosphere, lithosphere and biosphere - interact with one another. In addition, it will focus on the earth's energy balance, general atmospheric and ocean circulation as well as the weather and climate of tropical and non-tropical areas. Students will be exposed to weather and climatic systems such as monsoons, hurricanes, cyclones and others. The issue of climate change will also be discussed.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan monsun dan pengaruh monsun terhadap iklim dan cuaca Malaysia. 2. Membincangkan teknik-teknik cerakinan dan pencerapan yang digunakan untuk menganalisis cuaca dan iklim. 3. Membincangkan isu-isu penting kaji iklim.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain what is a monsoon and its role in the weather and climate in Malaysia.</i> 2. <i>Discuss techniques of observations used in analysing weather and climate.</i> 3. <i>Discuss important issues in climatology.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Aguado, E., Burt, J. 2000. Understanding Weather and Climate (2nd ed.). London: Prentice hall. 2. Barry, R. G. And Chorley R. J. 1998. Atmosphere, Weather and Climate (7th edition). London: Prentice Hall. 3. Scneider, S. H. (ed) 1996. Encyclopaedia of Climate and Weatrhre (2 volumes0. Oxford: Oxford University Press. 4. Hartmann, D. L. 1994. Global Physical Climatology London: Academic Press. 5. Seller, a. H. Robinson, P. J. 1988. Contemporary Cimatology. New York: E. L. B. S.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2012: GEOGRAFI PERTANIAN **AIB2012: AGRICULTURAL GEOGRAPHY**

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini akan memperkenalkan kepada sistem dan kegiatan aktiviti pertanian yang wujud dan diamalkan. Faktor-faktor pembangunan pertanian dan perkembangan pertanian. Pelbagai isu semasa dan cabaran sektor pertanian akan dibincangkan.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course will introduce the system of agricultural activities and activities that exist and are practiced. Factors of agricultural development and agricultural development. Various current issues and challenges in the agricultural sector will be discussed.</i>
---	---

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan faktor-faktor pembangunan pertanian. 2. Menghubungkan model dan perkembangan sektor pertanian 3. Mengenal pasti faktor-faktor pembangunan pertanian mampan	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Explain the factors of agricultural development. 2. Relate model and the development of the agricultural sector. 3. Identify the factors makes the development of sustainable agriculture.
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Thomas A. Rumney. The Study of Agricultural Geography A Scholarly Guide and Bibliography. 2. Symons, L.. Agricultural Geography. London: Bell and Sons. 3. Grigg, D. 1995. An introduction to agricultural geography. London: Roulledge. 4. Noor Mohammad (Ed.) 1981. Perspectives in Agricultural Geography. New Delhi: Concept Publishing Company.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB2013: GEOGRAFI PENGANGKUTAN

AIB2013: TRANSPORT GEOGRAPHY

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar asas-asas kajian pengangkutan dalam konteks ruangan. Kajian pengangkutan adalah asas kepada pengetahuan geografi kerana pengangkutan adalah factor penting dalam mempengaruhi perbezaan ruang dalam banyak aktiviti sosio-ekonomi. Kursus ini mengambil pendekatan system dan holistic untuk memahami bagaimana komponen-komponen asas dalam sistem pengangkutan itu saling bertindak antara satu sama lain.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course introduce student a basic transport study from the spatial context. Transport study is a basic to the geography knowledge cause transport factor is very important to influence different space and other sosio-economic activity. The system and holistic approach will be used to understand how basic component in transport system is reacting among it.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti komponen-komponen asas dalam sesuatu sistem pengangkutan 2. Menjelaskan isu dan masalah pengangkutan dalam konteks aktiviti isi rumah dan guna tanah 3. Mengklasifikasi elemen-elemen asas dalam operasi sesuatu sistem pengangkutan	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Identify basic component in transport systems. 2. Explain issues and problems in transport from the household activity and land use context. 3. Classify basic element in transport system operation.

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Bruton M.J (1985), Introduction to Transportation Planning, Hutchinson, London.
2. Chapman K. (1979), People, Pattern and Process, Edward Arnold, London.
3. Daniels P.W dan Warns A.M. (1980), Movement in Cities, Methuen, London.
4. Eliot-Hurst (1974), Transportation Geography, McGraw-Hill Inc, New York.
5. Gray G.E. dan Hoel L.A. (1979) Public Transport: Planning, Operations and Management, Prentice-Hill.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB2014: PEMBANGUNAN BANDAR DI ASIA TENGGARA

AIB2014: URBAN DEVELOPMENT IN SOUTHEAST ASIA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini akan mengenalpasti proses, tahap ada faktor-faktor perbandaran. Perbincangan akan menumpukan beberapa aspek utama seperti perumahan setinggan, dilema perbandaran, pengangkutan, perspektif sejarah, paradigma perbandaran dan globalisasi serta kemiskinan bandar. Konsep yang akan dilihat merangkumi peri-perbandaran, Extended Metropolitan Regions (EMR), super induce development, reginopolis, pemacu perbandaran dan sektor informal.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

The course will identify the process, the level of existing municipal factors. Discussions will focus on several key aspects such as slum housing, municipal dilemma, transportation, historical perspective, urbanization and the globalization paradigm and urban poverty. Concepts that will be include peri-urban, Extended Metropolitan Regions (EMR), super induce development, reginopolis, and drive municipal and informal sectors.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menganalisis cabaran pembangunan Bandar mampan dengan menggunakan konsep baru.
2. Mengkaji perbezaan polisi perbandaran dan pelaksanaan di antara Negara-negara Asia Tenggara.
3. Menilai peranan negara-negara Asia Tenggara dalam menangani isu lampau- sempadan.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Analyze the challenges of sustainable development by using new concepts.*
2. *Review of the municipal police and the performance difference between the countries of Southeast Asia.*
3. *Assess the role of South-East Asian countries in tackling border.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Fu-Chen, L. and Yüeman, Y. (1996). Emerging world cities in Pacific Asia, United Nations University Press. Chapt. 8 and 10.
2. McGee, T.G and Ira, M.R (1995). The mega-urban regions of Southeast Asia. Vancouver: UBC Press,. Chapt. 14 and 15.
3. Brian, R. and Trevor, K. (2006). Urbanisation and Sustainability in Asia: Case studies of Good Practice. Asian Development Bank. Chapt. 1,2, 4, ,7,8,9,11 and 13.
4. Gupter, A. (ed.) (2005). The physical geography of Southeast Asia. Oxford University Press. Chapt. 18, 21 and 22.
5. Yaakub, M.J and Baldev, S. S (eds.) (1989). Urbanisation and development: Prospect and Policies for Sabah beyond 1990. Sabah: Institute for Development Studies. Chapt. 5.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB3001: PROJEK ILMIAH

AIB3001: ACADEMIC PROJECT

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Tugasan Projek Ilmiah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai penyelidikan saintifik dan penulisan ilmiah dalam bidang geografi. Penyelidikan hendaklah difokuskan kepada satu isu atau perkara baru yang belum lagi dikaji. Ia mungkin berupa kajian kes, proses, fenomena, atau menilai perubahan suatu proses geografi. Dengan bimbingan seorang penyelia, para pelajar akan dilatih merancang, mengumpul dan menyusun maklumat secara saintifik serta mempersembahkannya dalam bentuk kertas ilmiah. Penggunaan teknik yang bersesuaian dengan tahap Ijazah Sarjana Pertama dan mencapai mutu yang sewajarnya.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

Academic Project aims to expose students to scientific research and academic writing in the field of geography. Research should be focused on one issue or new things that have not yet been examined. It may be a case study, process, phenomenon, or assessing the changes in the geographical process. With the guidance of a supervisor, students will be trained to plan, collect and compile information scientifically and present it in the form of a scientific paper. Use of relevant technique to Bachelor level and meet the reasonable quality.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Merekabentuk cadangan dan rancangan pelaksanaan projek kajian
2. Mengkaji literatur yang berkaitan dengan tajuk yang dijalankan
3. Mengaplikasi instrumen penyelidikan yang sesuai untuk mengumpul data
4. Menganalisis data berdasarkan kaedah yang sesuai
5. Menulis dapatan kajian dalam bentuk laporan.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *To design and plan the implementation of the proposed research project.*
2. *Review of the literature related to the on-going topic*
3. *Apply appropriate research instruments to collect data*
4. *Analyze the data by an appropriate method*
5. *Write the findings in a report.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Clarke, J.I., Population Geography, Pergamon Press: Oxford. 1976
2. Hornby, W.F. & Jones, M. An Introduction to Population Geography, Cambridge Univ. Press: Cambridge. 1993
3. Jones, Huw, Population Geography, Paul Chapman Pub.: London. 1990
4. Weeks, J.R., and Population: An Introduction to Concepts and Issues, Wadsworth Inc.: Belmont. 2002

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB3002: ASIA TENGGARA DALAM TRANSFORMASI

AIB3002: SOUTH EAST ASIA IN TRANSFORMATION

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini mengenalpasti, meneliti, memperihalkan semua aspek geografi Asia Tenggara. Membincang secara mendalam kesesuaian takrifan berhubung tanah-besar, semenanjung dan kepulauan Asia Tenggara. Kursus ini juga akan membincangkan isu dan cabaran yang di hadapi bersama oleh negara-negara Asia Tenggara.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course will identify explain and discuss all aspects of Southeast Asian geography. In-depth discussions would also be focussed on the suitability of definitions regarding what is Mainland, Peninsular and Insular Southeast Asia. This course would also discuss issues and challenges common to the countries of Southeast Asia.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan secara holistik isu semasa berkaitan geografi manusia dan fizikal di Asia Tenggara 2. Mengaitkan isu semasa di Asia Tenggara dengan senario pada peringkat global 3. Menilai maklumat terkini berhubung halatuju perubahan di rantau Asia Tenggara.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain in a holistic way current issues pertaining to the human and physical geography of Southeast Asia.</i> 2. <i>Relate current issues in Southeast Asia with the global scenario.</i> 3. <i>Evaluate the latest information regarding the directions of change for the region.</i>
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Cultural Survival Report. 1987. Southeast Asian Tribal Groups and Ethnic Minorities. Harvard: Harvard University Press. 2. Economist Intelligence Unit. Country Reports on Burma, Indo-China and Thailand. 3. Hill, Hal (ed). 1991. Unity and Diversity: Regional Economic Development in Indonesia since 1970. New York: Oxford University Press. 4. Fisher, C. A. 1964. Southeast Asia. Bangkok: Methuen. 5. Hill, R. D. And Bracy, J. M. (ed). 1978. Geography and the Environment in Southeast Asia. Hong Kong: Hong Kong University Press.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB3003: PENILAIAN DAMPAK SOSIAL

AIB3003: TECHNIQUES OF SOCIAL IMPACT ANALYSIS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar mengenai peranan Penilaian Dampak Sosial di dalam pelaksanaan pembangunan. Selain daripada itu kaedah pelaksanaan Penilaian Dampak sosial akan turut dijelaskan dan seterusnya membuat penilaian terhadap pentingnya Penilaian Dampak Sosial ke arah mencapai pembangunan mampan. Walau bagaimanapun Penilaian Dampak Sosial tidak terlepas daripada menghadapi cabaran di dalam pelaksanaannya.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>The objective of this course is to expose students to SIA research design and types of social, culture and economic data. How to conduct fieldwork by using sampling technique, questionnaire survey, and interview and data limitations. Also will be discussed exploration data technique, computer technique and research analysis presentation.</i>
---	--

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan kaedah pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial 2. Menilai kepentingan Penilaian Dampak Sosial ke arah pembangunan mampan 3. Mengkaji cabaran pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Analyse data for Social Science Studies</i> 2. <i>Explain the technique of SIA</i> 3. <i>Evaluate the role of Man in the development of a region</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Malaysia Association of Social Impact Assessment. 2009. Social Impact Assessment in Malaysia. Asmah A, Dahlia, R., Kamalruddin, S. And Susheel, K. (eds). Malaysia Association of Social Impact Assessment. 2. Ahmad Mahdzan Ayob. 1992. Kaedah penyelidikan Sosio ekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 3. Baker, Theresa L. 1988. Doing Social Research. New York: McGraw- Hill. 4. Barrow, Christopher J. 1997. Environmental and Social Impact Assessment: an introduction. London: Arnold. 5. Becker, H. A. 2003. The International handbook of social impact assessment: conceptual and methodological advances Cheltenham: Edward Elgar.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIB3004: PENDERIAAN JAUH LANJUTAN

AIB3004: ADVANCED REMOTE SENSING

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Pelajar akan diberikan kefahaman tentang prinsip teknikal penderiaan jauh dengan lebih mendalam terutamanya dari segi percaturan elemen-elemen penderiaan jauh dengan pelbagai aplikasi penderiaan jauh. Ini termasuklah konsep hyperspectral, microwave dan LIDAR. Penekanan diberi kepada pemprosesan dan analisa data digital kajian seperti pemetaan, pertanian dan perbandaran, iklim, pemantauan alam sekitar, samudera dan sebagainya.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course will look in particular the computer processing of satellite imageries. The intensity will be given to the processing and analysing of digital data with software equipped in the department. Focus is immense on the application of satellite imageries in several applications such as mapping, land use, agriculture and urbanisation, climate, environmental monitoring as well as natural disaster.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan tentang konsep asas penderiaan jauh secara lebih mendalam. 2. Menjelaskan kegunaan imageri satelit bagi bidang kajian terpilih. 3. Menilai kelebihan dan kelemahan imageri satelit untuk kegunaan beberapa bidang kajian terpilih.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain further the basic concepts of remote sensing.</i> 2. <i>Explain the use of satellite imagery for selected research fields.</i> 3. <i>Evaluate the advantages and disadvantages of satellite imagery in some selected areas of research.</i>

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Barrett, E. C. (2013). Introduction to Environmental Remote Sensing, Taylor & Francis.
2. Jensen, J. R. (2007). Remote Sensing of the Environment: An Earth Resource Perspective, Pearson Prentice Hall. JICA. 2006. Remote Sensing Course Notes and CD.
3. Thomas M. Lillesand, Ralph W. Kiefer and Jonathan W. Chipman. Remote Sensing and Image Interpretation. 5th Edition. John Wiley & Sons.
4. James B. Campbell. 2007. Introduction to Remote Sensing, 4th Edition, Taylor & Francis.
5. Tempfli, K., et al. (2009). Principles of Remote Sensing: An introductory textbook. ITC Educational Textbook Series 2. Enschede, ITC.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 50%
Peperiksaan / *Final Examination* : 50%

AIB3005: SISTEM INFORMASI GEOGRAFI LANJUTAN

AIB3005: ADVANCED GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEMS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini merupakan lanjutan dari kursus Sistem Informasi Geografi dengan penekanan kepada analisis-analisis yang terdapat dalam Sistem Informasi Geografi. Tumpuan akan diberikan kepada analisis-analisis GIS yang terdiri daripada analisis vektor dan raster termasuk interpolasi dan 3 dimensi dengan menggunakan perisian GIS. Selain itu, penekanan akan diberikan kepada pemodelan data ruangan dalam Sistem Informasi Geografi.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

The course further exposes students to Geographic Information Systems, highlighting the analyses available in GIS. The course will focus on vector analysis and raster analysis using GIS software. Apart from these, the course will also include the aspects of designing a spatial decision support system in GIS data modelling.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mendefinisikan konsep pengurusan data, kemaskini dan dapatan kembali data dalam pangkalan data GIS.
2. Menjelaskan pengolahan GIS seperti geoprocessing, buffer, overlay, pengkelasan semula dan analisis ruangan dan lokasi GIS.
3. Menjelaskan analisis lanjutan vektor, raster, interpolasi, analisis permukaan, analisis 3D dan pemodelan GIS.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Explain the vector analyses in GIS such as distance, neighbourhood, compactness and network analysis.*
2. *Explain the raster analyses, spatial interpolation, surface analysis and 3D analysis in GIS.*
3. *Use map manipulation and spatial modelling techniques in GIS.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Kang-tsung Chang 2013. Introduction to Geographic Information Systems, Mc Graw Hill, New York.
2. Longley P. et al 2010. Geographic Information Systems and Science. John Wiley.
3. Richard Harris, Peter Sleight, Richard Webber 2005. Geodemographics, GIS and Neighbourhood Targeting, John Wiley & Sons, Inc. New York.
4. Wilpen L. Gorr & Kristen S. Kurland 2011. GIS Tutorial Spatial Analysis Workbook, ESRI Press

5. Wilpen L. Gorr & Kristen S. Kurland 2011. GIS Tutorial Advanced Workbook, ESRI Press.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 50%

Peperiksaan / *Final Examination* : 50%

AIB3006: GEOGRAFI BENCANA ALAM
AIB3006: ENVIRONMENTAL DISASTER GEOGRAPHY

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini bermula dengan menjelaskan kepada pelajar mengapa bahaya/bencana alam sekitar berlaku dan mengapa ancaman ini akan menjadi lebih ketara pada masa akan datang. Kursus ini seterusnya membincangkan bagaimana bahaya/bencana alam sekitar boleh di kategorikan. Susulan daripada ini pelajar akan di dedahkan kepada sifat-sifat generik dan spesifik perilaku ancaman bahaya/bencana alam sekitar. Keterisikoon manusia kepada ancaman bahaya/bencana alam sekitar akan di bincangkan terutama berkaitan dengan soalan-soalan pokok yang menghalkan keselesaan, kesihatan dan aktiviti kehidupan manusia. Pelajar seterusnya akan di dedahkan kepada konsep asas dalam pengurusan bahaya dan bencana alam sekitar dan faktor-faktor penting yang di perlukan untuk mengadakan sistem pengurusan bahaya alam sekitar yang berkesan dalam konteks perlaksanaan dasar bahaya lam sekitar negara.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

This course begins with a discussion on the deference between environmental hazard, risk and disaster. The course examines how environment hazard and disaster can be classified and how each hazard/disaster types occur and behave. The course also explains the concept of human vulnerability to hazard threat and disaster and the importance of hazard management in avoiding disaster. The concept advocates the need for hazard management in the implementation of national policies on environment management.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menjelaskan mengapa bahaya, risiko dan bencana berbeza dari perspektif masa dan ruang.
2. Menghuraikan perhubungan di antara ancaman bahaya/bencana alam sekitar dan keterancaman (vulnerability) manusia.
3. Menilai kepentingan mengamalan pengurusan bahaya alam sekitar dalam konteks perlaksanaan dasar alam sekitar negara.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Explain why hazard, risk and disaster varies in space and time.*
2. *Explain the relationship between hazard threat, disaster and human vulnerability.*
3. *Evaluate the importance of hazard management in the implementation of national polices of environment.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Smith, K.1992. Environmental Hazards: Assessing Risks and Reducing Disaster
2. Alexander, D. 1993. Natural Disasters. UCL Press, London.
3. Carter, W.N. 1991. Disaster Management — A Disaster Manager's Handbook. ADB Publications, Manila.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIB3007: GEOGRAFI PILIHANRAYA

AIB3007: GEOGRAPHY OF ELECTIONS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini akan melihat kepada perkembangan terbaru penyelidikan dalam geografi pilihan raya khususnya kepada kelakuan pilihan raya dan politik proses pilihan raya. Pilihan raya akan dibincangkan dalam konteks geografi dan sosial yang luas. Ia juga akan menumpukan kepada bagaimana geografi menyumbangkan kepada pembangunan dan penggunaan kuasa serta keabsahan dalam sistem politik. Seterusnya, kursus ini juga akan menghuraikan analisis keputusan pilihan raya: apa yang mempengaruhi pengundi? Dan bagaimana unsur geografi mempengaruhi pilihan tersebut.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

This course reviews current research on the political geography of elections, dealing with both electoral behavior and the politics of the electoral process. Elections are placed in their broad social and geographical contexts. It also examines how elections contribute to the development and use of power and legitimacy in political systems. Then, this course will describe the analysis of the electoral decision: what influences voters' choice? How does geography impact upon those choices?

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Pelajar akan mempertingkatkan kemahiran-kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran bertutur menggunakan idea sendiri. Tugasan dan latihan diberikan pada tahap ini bagi memastikan pelajar dapat mengaplikasi pengetahuan sendiri menggunakan kemahiran berbahasa. Pelajar juga diberi tugasan untuk menterjemah bahan bacaan tahap pertengahan bagi meningkatkan kecekapan berbahasa.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>Students will be able to improve language skills especially in communicating using own ideas. At this level, coursework and exercises will be given to ensure students apply their knowledge with relevant language skills. Students will also be given exercises to translate intermediate level reading materials to improve their language skills.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Membezakan struktur ayat dan penggunaan pelbagai imbuhan berdasarkan situasi dan hubungan antara penutur dengan pendengar. 2. Menterjemahkan bahasa Korea kepada bahasa lain atau sebaliknya. 3. Menunjukkan keupayaan berbahasa dalam pembentangan dan perbualan dengan meyakinkan.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Differentiate sentence structure and the use of various affixes based on particular situations and the relationship between the speaker and listener.</i> 2. <i>Translate Korean language into another language or vice versa.</i> 3. <i>Demonstrate the ability to speak during presentations and converse with confidence.</i> 4. <i>Demonstrate how to communicate effectively based on knowledge and personal skills.</i>

4. Mempamerkan cara berkomunikasi dengan berkesan berasaskan pengetahuan dan kemahiran sendiri.	
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES	
1. <i>Korean 2</i> . 2002. Seoul National University. Seoul. 2. <i>Korean Reading 1</i> . 1998. Yonsei University. Seoul. 3. <i>Exciting Korean Listening Guide 1</i> . 2005. Ewha Womans University, Korea.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS	
Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 60% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 40%	

AIG2007: HUBUNGAN ANTARABANGSA ASIA TIMUR

AIG2007: INTERNATIONAL RELATIONS OF EAST ASIA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS
Kursus ini memfokuskan hubungan antarabangsa China, Korea dan Jepun serta interaksi masing-masing dengan kuasa lain seperti Amerika Syarikat dan Rusia semasa dan selepas Perang Dingin. Selain itu, kursus ini juga membincangkan isu-isu semasa di rantau Asia Timur termasuk isu bilateral dan multilateral yang melibatkan negara-negara yang difokuskan. Isu tersebut termasuklah persepsi kewilayahan mengenai ancaman keselamatan dan perluasan nuklear dan kesan proses modenisasi dan pembangunan ekonomi terhadap dasar luar serta strategi dan dasar untuk memelihara kedamaian, kestabilan dan keselamatan wilayah.	<i>This course focuses on the relations between Japan, China and Korea as well these country's relations with former Soviet Union/Russia and America during and after the Cold War. Apart from that, the course also deals with bilateral and multilateral issues pertaining to the three countries. Issues such as regional perspective of security threats, nuclear proliferation, and the impact of modernization and economic developments on foreign policy formulations as well as strategy and policy considerations in order to maintain peace, stability and regional security.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	LEARNING OUTCOMES
Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Membuat kesimpulan tentang hubungan antarabangsa Asia Timur sebelum dan selepas Perang Dingin. 2. Mengaplikasikan dasar luar negara-negara Asia Timur. 3. Menjejak konsep-konsep hubungan antarabangsa melalui penyediaan kertas laporan dan pembentangan. 4. Mempamerkan hubungan antarabangsa Asia Timur akibat daripada interaksi dan campur tangan kuasa-kuasa asing.	<i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Summarize East Asian international relations before and after the Cold War.</i> 2. <i>Apply foreign policies of East Asian nations.</i> 3. <i>Trace international relations concepts through report writing and presentations.</i> 4. <i>Showcase international relations of East Asia as a result of interactions and intervention of foreign powers.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES	
1. Goldstein, Avery & Edward Mansfield. 2012. <i>The Nexus of Economics, Security, and International Relations in East Asia</i> . Stanford: Stanford University Press. 2. Kivimaki, Timo. 2014. <i>The Long Peace of East Asia: Rethinking Asia and International Relations</i> . Ashgate Publishing Ltd. 3. Shambaugh, David & Michael Yahuda. 2014. <i>International Relations of Asia</i> , New York: Rowman and Littlefield.	

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i>	: 40%
Peperiksaan / <i>Final Examination</i>	: 60%

AIG2008: PERTIKAIAN WILAYAH ASIA TIMUR

AIG2008: TERRITORIAL DISPUTES IN EAST ASIA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini membincangkan isu pertikaian wilayah, pertindihan sempadan dan kedaulatan wilayah melibatkan negara-negara di Asia Timur. Di antara pertikaian wilayah yang akan dibincangkan termasuk Hoppo Ryodo/Kurile di antara Jepun dan Rusia; Senkaku/Diaoyutai di antara Jepun dan China; Takeshima/Tokdo di antara Jepun dan Korea Selatan; Kepulauan Spratly dan Paracel yang melibatkan China dan Taiwan di Asia Timur dengan empat negara ASEAN serta lain-lain perebutan zon sempadan dan wilayah di Asia Timur. Kursus ini turut membincangkan isu China-Taiwan dan diakhiri dengan perbincangan berkaitan langkah-langkah pengurusan konflik yang boleh diaplikasi bagi mengurangkan ketegangan negara-negara yang terlibat.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

The course discusses the issues of territorial disputes, overlapping claims and sovereignty involving East Asian states. Some of the territorial disputes that will be discussed include Hoppo Ryodo/Kurile between Japan and Russia; Senkaku/Diaoyutai between Japan and China; Takeshima/Tokdo between Japan and Korea; Spratlys and Paracel involving China and Taiwan with four other ASEAN members as well as existing regional and border disputes in East Asia. The course will also discuss the issue of China-Taiwan. It will conclude discussion on conflict resolution measures that can be applied to decrease tensions between affected East Asian states.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti asas-asas tuntutan pertikaian wilayah di Asia Timur berdasarkan faktor sejarah, konvensyen dan undang-undang antarabangsa.
2. Menyiasat bagaimana pertikaian wilayah mempengaruhi hubungan di antara negara-negara yang terlibat.
3. Menyurih pertikaian wilayah Asia Timur dalam pelbagai aspek.
4. Mengkompilasi usaha-usaha institusi antarabangsa dalam mencari jalan penyelesaian pertikaian wilayah di Asia Timur.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Identify basic claims in territorial disputes in East Asia based on historical factors, international conventions and international law.*
2. *Investigate how territorial disputes affect the relations between countries.*
3. *Trace East Asian territorial disputes in various aspects through assignment.*
4. *Compile the efforts of international institutions in order to solve the territorial disputes in East Asia.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. World Politics Review. 2012. *Territorial Disputes in Global Politics*. World Politics Review Special Reports.
2. Wiegand, Krista E. 2011. *Enduring Territorial Disputes: Strategies of Bargaining, Coercive Diplomacy, and Settlement*, Georgia: Univeristy of Georgia Press.
3. U.S. Army War College. 2013. *The Southern Kurile Islands: Shrouded in Eternal Fog*.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i>	: 40%
Peperiksaan / <i>Final Examination</i>	: 60%

AIG2009: EKONOMI POLITIK CHINA

AIG2009: POLITICAL ECONOMY OF CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan struktur politik dan ekonomi China moden sejak tahun 1949. Rangka struktur-struktur ini dibina berdasarkan fahaman Marxis-Leninis sebagai ideologi rasmi Parti Komunis China. Melalui perubahan zaman, pengubahsuaian dan reformasi dari semasa ke semasa telah dilakukan. Pengenalan terhadap perubahan-perubahan tersebut juga dirangkumi dalam kursus ini.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course introduces the political and economic structures of modern China since 1949. These structures are based on Marxist-Leninist ideology of the official Chinese Communist Party. From time to time, through the differences of eras, modifications and reforms have taken place. These changes are also covered in this course.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenal pasti ciri-ciri utama sistem politik dan ekonomi China semenjak tahun 1949. 2. Menjelaskan cara dan kesan reformasi pasaran yang berlaku di China. 3. Menghubungkaitkan hubungan di antara politik dan ekonomi di negara China. 4. Menunjukkan kefahaman terhadap isu-isu politik dan ekonomi China zaman ini secara kritis dan analitis.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Indicate the main characteristic of China's economy and politics since 1949.</i> 2. <i>Explain the impact of market reforms in China.</i> 3. <i>Relate the close association between Chinese politics and economics.</i> 4. <i>Show the understanding of issues related to China critically and analytically.</i>
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Deng, Kent G. 2011. <i>China's Political Economy in Modern Times: Changes and Economic Consequences, 1800-2000</i>. London: Routledge. 2. Economy, Elizabeth C. 2014. <i>By All Means Necessary: How China's Resource Quest is Changing the World</i>. New York: Oxford University Press. 3. Morrison, Wayne. 2014. <i>China's Economic Rise: History, Trends, Challenges, and Implications for the United States</i>. Eashington DC: Congressional Research Service.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 50% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 50%	

AIG2010: ISU-ISU EKONOMI SEMASA CHINA

AIG2010: CURRENT ECONOMIC ISSUES IN CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memberi tumpuan kepada isu-isu ekonomi semasa China. Penekanan akan diberi kepada isu-isu seperti model pertumbuhan, masalah kepesatan dan kelembapan ekonomi, kemiskinan, pengangguran, kebangkitan kelas pertengahan, jurang pendapatan, krisis tenaga, simpanan mata wang asing, rasuah dan lain-lain. Pelajar akan memperolehi pengetahuan terkini tentang pembangunan ekonomi dan masalah China secara menyeluruh, terutamanya isu-isu semasa ekonomi dan implikasinya terhadap ekonomi Malaysia. Penekanan akan diberi kepada isu-isu penting terkini. Pada akhir semester, prospek ekonomi China pada masa depan akan dibincangkan.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course concentrates on recent economic issues of China. Emphasis will be given on issues such as growth model, rapid and slow economic development, poverty, unemployment, rise of middle class, income gap, energy crisis, foreign reserve, corruption and others. Students will have the latest information about developments and problems faced by China generally, especially current economic issues and the implications for the Malaysian economy. Emphasis will be given to recent developments. At the end of the semester, future prospects for China's economy will be discussed.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menafsirkan isu-isu ekonomi semasa dan prospek ekonomi China. 2. Menjejak pelbagai aspek ekonomi semasa China melalui penyelesaian masalah tugas kursus atau peperiksaan. 3. Mempamerkan pemikiran kritis tentang impak perkembangan ekonomi semasa China kepada jiran-jirannya.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Interpret current economic issues and economic prospects of China.</i> 2. <i>Trace various recent economic aspects of China through problem solving assignments and exams.</i> 3. <i>Demonstrate critical thinking of the impact of China's recent economic developments towards its neighbours.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Deng, Kent G. 2011. <i>China's Political Economy in Modern Times: Changes and Economic Consequences, 1800-2000</i>. London: Routledge. 2. Economy, Elizabeth C. 2014. <i>By All Means Necessary: How China's Resource Quest is changing the World</i>. New York: Oxford University Press. 3. Morrison, Wayne. 2014. <i>China's Economic Rise: History, Trends, Challenges, and Implications for the United States</i>. Eashington DC: Congressional Research Service.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2011: KONFUSIANISME DI CHINA

AIG2011: CONFUCIANISM IN CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan sejarah perkembangan Konfusianisme di China sejak zaman Pra-Qin. Kursus ini mengkaji aliran pemikiran tokoh-tokoh Konfusianisme dalam aspek kebudayaan, sosial, falsafah dan politik sebagai tindakbalas ke atas cabaran-cabaran setiap zaman.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The course introduces the development of Confucianism in pre-Qin era. It will also analyze the thinking of different Confucianists in responding to the cultural, social orientation, philosophical and political challenges of each period.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menafsirkan aliran falsafah pemikiran Konfusianisme yang merupakan asas pemikiran orang Cina. 2. Menjejak perkembangan dan impak pemikiran Konfusianisme pada zaman yang berlainan dalam sejarah China. 3. Menunjukkan kefahaman berkaitan cabaran Konfusianisme dalam era moden.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Interpret the philosophy of Confucianism as foundation for Chinese thinking. 2. Trace the development and impact of Confucianism in different periods of Chinese history. 3. Demonstrate challenges faced by Confucianism in the modern era.
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Gardner, Daniel K. 2014. <i>Confucianism: A Very Short Introduction</i>. New York: Oxford University Press. 2. Solé-Farràs, Jesus. 2013. <i>New Confucianism in Twenty-First Century China: The Construction of a Discourse</i>. New York: Routledge. 3. Yang, Fenggang. 2011. <i>Religion in China: Survival and Revival under Communist Rule</i>. Oxford University Press, New York.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2012: TRANSFORMASI SOSIAL CHINA

AIG2012: SOCIAL TRANSFORMATION IN CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memperkenalkan teori-teori sosial ekonomi untuk membincangkan isu-isu sosial terkini masyarakat China. Isu-isu sosial yang dibincang termasuk jurang pendapatan penduduk; perbandaran dan migrasi; kemiskinan; isu-isu buruh dan hak asasi; populasi orang tua; gender; isu-isu pendidikan dan pencemaran alam sekitar. Setiap isu akan dikaji berdasarkan perspektif perbandingan yang seimbang antara sosiologi, sejarah dan politik. Pelajar dikehendaki membaca bahan-bahan bacaan semasa yang ditetapkan bagi meningkatkan kefahaman tentang perkembangan masyarakat China terkini demi memperluaskan perspektif.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course introduces various social theories for discussing current social issues in Chinese society. These include society's income gap; urbanisation and migration; poverty; labour issues and human rights; ageing society; gender; educational issues and environmental pollution. Each issue will be discussed based on a balanced comparative perspective between sociology, history and politics. Students are required to read the latest information given designed to broaden their perspective and improve understanding of developments in contemporary Chinese society.</i>
---	---

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menafsirkan isu-isu sosial utama terkini di China dan hubungannya dengan perkembangan ekonomi. 2. Menjejak pelbagai aspek berkait isu-isu sosial semasa China dan dasar kerajaan dalam mengendalikan masalah sosial masyarakat China. 3. Menunjukkan minda kritis melalui penilaian transformasi sosial dan ekonomi politik China.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Interpret main social issues in China and its relations with economic growth. 2. Trace various aspects related to contemporary social issues and state policies in dealing with problems of social issues in Chinese society. 3. Show critical mindset through the evaluation of social transformation and political economy of China.
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Guthrie, Doug. 2012. <i>China and Globalization: The Social, Economic and Political Transformation</i>. New York: Routledge. 2. Hao, Zhidong. 2013. <i>Social Issues in China. Gender, Ethnicity, Labor, and the Environment</i>. New York: Springer. 3. Tie, Li. 2014. <i>Urbanization: A Comprehensive and Profound Social Transformation</i>. Beijing: China Centre for Urban Development.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2013: PROSES MODENISASI CHINA

AIG2013: MODERNIZATION PROCESS OF CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bertujuan memperkenalkan proses modenisasi China yang mempengaruhi perkembangan dan pembentukan China hari ini. Tumpuan yang lebih ditegaskan adalah pada kekuatan pengadaptasian ciri-ciri moden ke dalam kebudayaan tradisional dimana ciri-ciri tersebut termasuk ciri-ciri barat dan dari Komunis Soviet. Kursus ini dipercayai dapat menolong membina satu pengenalan asas terhadap China moden.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course aims to introduce China's modernization process which has impacted the development and establishment of contemporary China. Emphasis is given to the strength of adaptation of modern features into traditional culture whereby those qualities include western and Soviet Union induced characteristics. It is anticipated that this course will help build a basic introduction to modern China.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Memahami perkembangan modenisasi China sejak Perang Candu. 2. Menyiasat faktor-faktor tarikan dan tolakan proses modenisasi pada zaman yang berlainan. 3. Menjejak kejayaan dan kegagalan dalam proses modenisasi China yang boleh diambil sebagai ikhtibar. 4. Menunjukkan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil untuk mengkaji topik-topik modenisasi China.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Understand developments in China's modernization since the Opium War. 2. Investigate the push and pull factors of the modernization process during various periods. 3. Trace the successes and failures of China's modernization process that can be taken as an invaluable lesson. 4. Show the different approaches that can be taken to examine topics on China's modernization.

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Kerr, Gordon. 2013. *A Short History of China: From Ancient Dynasties to Economic Powerhouse*. Herts: Pocket Essentials.
2. Pursiainen, Christer (ed). 2012. *At the Crossroads of Post-Communist Modernisation: Russia and China in Comparative Perspective*. England: Palgrave and Macmillan.
3. Spence, Jonathan. 2012. *The Search for Modern China*. New York: W. W. Norton Company.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 50%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 50%

AIG2014: DASAR EKONOMI CHINA

AIG2014: ECONOMIC POLICY OF CHINA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini memfokuskan dasar ekonomi China dari tahun 1949 sehingga tahun semasa. Penekanan kursus adalah kepada model pembangunan ekonomi China tahun 1949, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi China dan dasar ekonomi tahun 1978 dan selepasnya. Tumpuan juga diberikan kepada kesan dasar ekonomi China kepada negara lain terutamanya berikutan kemunculan China sebagai kuasa baru ekonomi dunia.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

This course focuses on Chinese economic policies from 1949 till the present. It emphasizes the economic model of 1949, economic development plans and policies of 1978 and thereafter. The course also stresses the impact of Chinese policies on the international world as a result of China becoming a new global economic power.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Menjelaskan ciri-ciri utama dasar ekonomi China kini.
2. Menafsirkan kesan reformasi pasaran di kawasan luar bandar yang berlaku di China semenjak tahun 1978.
3. Menunjukkan kefahaman isu-isu ekonomi penting semasa dan kesannya kepada negara-negara lain.
4. Menjalankan kajian tentang pelbagai aspek dan isu-isu ekonomi China secara analitis.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Explain key Chinese economic policies.*
2. *Analyze the impact of market reformation on rural areas in China since 1978.*
3. *Show understanding of contemporary economic issues and how these issues influence other states.*
4. *Conduct research on various aspects of Chinese economic issues analytically.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Paulson, Henry. 2015. *Dealing with China: An Insider Unmasks the New Economic Superpower*. New York: Twelve.
2. Economy, Elizabeth C., 2014. *By All Means Necessary: How China's Resource Quest is changing the World*. New York: Oxford University Press.
3. Morrison, Wayne. 2014. *China's Economic Rise: History, Trends, Challenges, and Implications for the United States*. Eashington DC: Congressional Research Service.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIG2015: DASAR EKONOMI JEPUN

AIG2015: ECONOMIC POLICY OF JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini mengkaji dasar-dasar ekonomi Jepun terutamanya dasar buruh, kewangan, perindustrian dan dasar hubungan ekonomi antarabangsa Jepun. Cabaran-cabaran yang Jepunalui dalam proses pematapan ekonomi juga dikaji. Selain daripada itu, kursus ini juga membincangkan bagaimana kerajaan Jepun bekerjasama melalui hubungan bilateral dan multilateral dengan negara-negara luar terutamanya G7, NAFTA, ASEAN, APEC dan EU dalam kerjasama ekonomi.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course examines Japanese economic policies, especially policies pertaining to labour, finance, industry and international economic relations. The challenges faced by Japan in strengthening its economy is also examined. Apart from that, the course also reflects on how economically Japan has associated itself bilaterally and multilaterally with foreign counterparts, especially G7, NAFTA, ASEAN, APEC and EU.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan pembentukan dasar ekonomi Jepun berdasarkan keperluan negara bangsa. 2. Menafsirkan dasar ekonomi yang digubal oleh kerajaan Jepun untuk disesuaikan dengan dinamisme ekonomi antarabangsa. 3. Menjejak pelbagai dasar ekonomi Jepun yang menyumbang kepada kemajuan ekonominya. 4. Mengkompilasi kaedah dan pendekatan pembangunan ekonomi Jepun.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain Japanese economic policies based on state's interests.</i> 2. <i>Interpret economic policies moulded in parallel to the dynamism of the international economy.</i> 3. <i>Trace various economic policies that contribute to economic development.</i> 4. <i>Compile methods and approaches used in developing the Japanese economy.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Flath, David. 2014. <i>The Japanese Economy</i>. Oxford: Oxford University Press. 2. Brinton, Mary. 2011. <i>Lost in Transition: Youth, Work, and Instability in Postindustrial Japan</i>. Cambridge: Cambridge University Press. 3. Weinstein, David E., Koichi Hamada & Anil K. Kashyap. 2011. <i>Japan's Bubble, Deflation and Long Term Stagnation</i>. Cambridge: The MIT Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2016: EKONOMI POLITIK JEPUN

AIG2016: POLITICAL ECONOMY OF JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini mencakup pelbagai aspek ekonomi dan politik Jepun. Kursus ini akan melihat dengan mendalam hubungan parti-parti politik, kerajaan dan swasta. Kursus ini juga mendedahkan kepada pelajar situasi semasa politik ekonomi Jepun dengan melihat bagaimana institusi awam kerajaan seperti perkhidmatan pos diswastakan. Begitu juga dengan pembaharuan politik Jepun tahun 1994 yang membawa kepada perubahan dalam sektor pertanian yang sebelum ini begitu kuat mempengaruhi pembuatan keputusan kerajaan terutamanya dalam polisi pertanian. Di samping itu aspek politik dan ekonomi antarabangsa juga tidak ditinggalkan supaya pelajar dapat melihat peranan Jepun dalam aspek politik-ekonomi antarabangsa. Kebanyakan kuliah dan tutorial ditumpukan kepada tema-tema politik dan ekonomi Jepun moden.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course covers various aspects of Japanese politics and economy. It will look into the deeper relationship between political parties, government and the private sectors. Further, it also exposes students to the current political and economy situation of Japan by looking at how public institutions such as the postal service was privatized. Similarly, the Japanese political reforms in 1994 that led to the changes in the agricultural sector is another example. In addition, the international political and economic aspects are also emphasized, especially on Japanese ODA and aid. Most of the lectures and tutorials will be devoted to themes of modern Japanese politics and economy.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan peristiwa-peristiwa penting dalam perkembangan ekonomi dan politik Jepun. 2. Membincangkan penglibatan Jepun dalam aspek politik dan ekonomi antarabangsa. 3. Menyalin semula isu-isu ekonomi dan politik Jepun. 4. Menunjukkan bagaimana institusi kerajaan, parti politik dan pihak swasta berinteraksi untuk memajukan ekonomi di Jepun.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain important events in the development of Japan's economy and politics.</i> 2. <i>Investigate Japan's involvement in international economy and politics.</i> 3. <i>Copy issues on Japanese economy and politics.</i> 4. <i>Show interactions between government institutions, political parties and the private sector in the development of Japan's economy.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Söderberg, Marie & Patricia A. Nelson. 2010. <i>Japan's Politics and Economy: Perspectives on Change</i>. London: Routledge. 2. Md Nasrudin Md Akhir, Rohayati Paidi & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2010. <i>Japan in East Asia: Socio-Politics and Economic Dimensions</i>. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Timur Universiti Malaya. 3. Rosenbluth, Frances McCall. 2010. <i>Japan Transformed: Political Change and Economic Restructuring</i>. New Jersey: Princeton University Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2017: SISTEM PENTADBIRAN DAN POLITIK JEPUN

AIG2017: ADMINISTRATION AND POLITICAL SYSTEM OF JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem pentadbiran dan politik Jepun. Ia dapat dibahagikan kepada sistem pentadbiran Jepun dan politik Jepun. Bagi bahagian sistem pentadbiran, kursus ini mencakupi bentuk pentadbiran Jepun pada zaman sebelum perang dan selepas perang dan entiti serta fungsi dalam struktur pentadbiran tersebut. Manakala bagi bahagian politik Jepun pula, kursus ini mencakupi sistem politik berparti dan isu-isu semasa politik Jepun.	<i>SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS</i> <i>This course exposes students to the administrative system and politics of Japan. The course is divided into administrative systems and politics of Japan. On one hand, the administrative system section includes the function and type of administrative systems followed by Japan before and after the war as well as entities and functions of the administrative structure. On the other hand, the political system section includes learning the political party system and contemporary political issues of Japan.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti perkembangan sistem pentadbiran dan politik Jepun. 2. Menyusun peranan aktor-aktor yang terlibat dalam sistem pentadbiran dan politik Jepun. 3. Memberi respon terhadap isu-isu semasa dalam pentadbiran dan politik Jepun. 4. Mempamerkan keberkesanan sistem pentadbiran dan politik Jepun yang mempengaruhi kekuatan dan kestabilan negara.	<i>LEARNING OUTCOMES</i> At the end of the course, students will be able to: 1. Identify the development of administrative system and politics of Japan. 2. Organize the role of actors involved in Japanese administration and politics. 3. Respond to contemporary issues pertaining to Japanese administration and politics. 4. Show the effectiveness of Japanese administration and politics in terms of influencing the strengthening and stabilization of the state.
RUJUKAN UTAMA / <i>MAIN REFERENCES</i> 1. Md Nasrudin Md Akhir, Rohayati Paidi & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2010. <i>Japan in East Asia: Socio-Politics and Economic Dimensions</i>. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Timur Universiti Malaya. 2. Rosenbluth, Frances McCall. 2010. <i>Japan Transformed: Political Change and Economic Restructuring</i>. New Jersey: Princeton University Press. 3. Inoguchi, Takashi & Purnendra Jain. 2011. <i>Japanese Politics Today: From Karaoke to Kabuki Democracy</i>. Palgrave MacMillan.	
KAEDAH PENILAIAN / <i>ASSESSMENT METHODS</i> Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2018: KERAJAAN TEMPATAN JEPUN

AIG2018: LOCAL GOVERNMENT IN JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bermatlamat untuk mendedahkan kepada pelajar ten tang sistem kerajaan tempatan Jepun. Ia dibahagikan kepada period sebelum perang dan period selepas perang. Bagi bahagian period sebelum perang, kursus ini mencakupi bentuk pentadbiran kerajaan tempatan sejak zaman Meiji dan semasa perang. Period selepas perang pula, meliputi bentuk-bentuk pembaharuan yang dijalankan oleh pihak pendudukan yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan zaman pasca pendudukan di mana kesan daripada pembaharuan ini telah membawa kepada sistem kerajaan Jepun sekarang. Isu-isu semasa kerajaan tempatan juga akan disentuh mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The objective of this course is to expose students to Japan's local government administration. The course is divided into two periods: before and after the war. For the period before the war, the course will elaborate on local government's administration during the Meiji era and during the war. The new policies on local governments during the American occupation and its impact on post occupation, currently in place will be discussed for the period after the war. The course will also touch upon contemporary issues including politics, economics, and social.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti sejarah perkembangan kerajaan tempatan Jepun. 2. Menyusun pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh pihak bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah negara demokrasi. 3. Memberi respon terhadap pelbagai isu berkaitan kerajaan tempatan Jepun. 4. Menunjukkan hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan tempatan Jepun.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Identify historical developments of Japanese local government.</i> 2. <i>Organize reforms by the Allied powers led by the United States of America in making a democratic Japan.</i> 3. <i>Respond to various issues pertaining to local government of Japan.</i> 4. <i>Show the relationship between local and central governments.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Matsumura, Wendy. 2015. <i>The Limits of Okinawa: Japanese Capitalism, Living Labor, and Theorizations of Community: Asia-Pacific: Culture, Politics, and Society</i>. Duke University Press. 2. Council of Local Authorities for International Relations. 2010. <i>Local Government in Japan</i>. Tokyo: Clair. 3. Midford, Paul & Yayoi Saito. 2014. <i>Eldercare Policies in Japan and Scandinavia: Aging Societies East and West</i>. Palgrave Macmillan.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2019: GLOBALISASI DAN BUDAYA POPULAR JEPUN

AIG2019: GLOBALIZATION AND POPULAR CULTURE OF JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bertujuan untuk mengkaji proses difusi budaya popular Jepun seperti anime, manga, kawaii dan sebagainya di peringkat global. Di sepanjang kursus ini, pelajar akan didedahkan tentang pelbagai bentuk budaya popular Jepun serta pengaruhnya di dunia. Di samping itu, pelajar juga akan dibimbing tentang kaedah-kaedah untuk menjalankan kajian bagi merungkai persoalan berkaitan dengan budaya popular Jepun.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course aims to study the diffusion process of Japanese popular culture such as anime, manga, kawaii, etc. globally. Throughout the course, students will be exposed to various forms of Japanese popular culture and its influence in the world. In addition, students will also be taught about the methods in conducting research in order to unravel questions related to Japanese popular culture.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti keluasan pengaruh budaya popular Jepun di peringkat global. 2. Mengilustrasikan proses difusi budaya popular Jepun di peringkat global. 3. Menjejak pengaruh budaya popular Jepun berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif. 4. Menulis laporan tentang penyebaran budaya popular Jepun.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Identify the area of influence of Japanese popular culture at the global level.</i> 2. <i>Illustrate the diffusion process of Japanese popular culture at the global level.</i> 3. <i>Trace the influence of Japanese popular culture, based on quantitative and qualitative data.</i> 4. <i>Write a report on the spreading of Japanese popular culture.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Christine R. Yano. 2013. <i>Pink Globalization: Hello Kitty's Trek across the Pacific</i>. USA: Duke University Press Books. 2. Cooper-Chen, A. M. 2010. <i>Cartoon Cultures: The Globalization of Japanese Popular Media</i>. New York: Peter Lang Publishing. 3. Anthony Y.H. Fung (ed.). 2013. <i>Asian Popular Culture: The Global (Dis) continuity (Media, Culture and Social Change in Asia Series)</i>. New York: Routledge.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 70% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 30%	

AIG2020: PEMBINAAN BANGSA JEPUN

AIG2020: NATION BUILDING IN JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan modenisasi Jepun sehingga menjadi sebuah negara moden yang pertama di Asia dari segi pengalaman bangsa itu melalui sejarah. Para pelajar akan dapat melihat faktor-faktor yang menyumbang ke arah modenisasi Jepun sejak zaman pertengahan hingga zaman moden.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course aims to discuss the development of Japanese modernization process that led to the creation of the first ever modern state in Asia through historical experiences. Students will be able to grasp the factors that have contributed to the modernization process from the middle ages to the modern era.</i>
---	---

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan asas-asas modenisasi Jepun dari segi sejarah. 2. Mengilustrasikan proses pembentukan bangsa Jepun berdasarkan pengalaman dan pembinaan negara. 3. Menyalin fakta-fakta tentang pelbagai aspek pembinaan bangsa Jepun dalam bentuk esei. 4. Melaporkan tentang perkembangan proses modenisasi Jepun.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Explain fundamental Japanese modernization based on historical experiences.</i> 2. <i>Illustrate the process of forming a Japanese nation based on past experiences and nation building.</i> 3. <i>Copy historical facts pertaining to various aspects of Japanese nation building in an essay.</i> 4. <i>Report developments of the modernization process of Japan.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Andrew Gordon. 2013. <i>A Modern History of Japan: From Tokugawa Times to the Present</i>. New York: Oxford University Press. 2. Marius B. Jansen (ed). 2014. <i>Japan in Transition: From Tokugawa to Meiji</i>. United Kingdom: Princeton University Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 40% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 60%	

AIG2021: KESENIAN DAN KESUSASTERAAAN JEPUN

AIG2021: ARTS AND LITERATURE OF JAPAN

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini meneliti trend utama dalam kesusasteraan Jepun dari tempoh permulaan sehingga moden. Pelajar akan mengkaji cerita-cerita, lakonan dan novel dari zaman klasik, pertengahan dan moden, serta meletakkan setiap teks dalam konteks sosial dan sejarah yang unik.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course examines major trends in Japanese literature from the beginning until the modern period. Students will study the stories, plays and novels of the classical, medieval and modern eras, as well as learn to place each text in its unique social and historical context.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti karya-karya sastera utama daripada tempoh yang berbeza dalam sejarah Jepun. 2. Melaporkan bagaimana karya sastera telah diterjemahkan, dan ditafsir semula, dari masa ke masa. 3. Melaksanakan penyelidikan individu tentang teks utama kesusasteraan Jepun. 4. Mempamerkan nilai atau makna yang terkandung dalam teks-teks tertentu terhadap pembaca kontemporari.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Identify major Japanese literature from different periods in the history of Japan.</i> 2. <i>Report how Japanese literature has been translated, and reinterpreted, from time to time.</i> 3. <i>Execute individual research on major texts of Japanese literature.</i> 4. <i>Present value or meaning of contents of certain texts to contemporary readers.</i>

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Samuel L. Leiter. 2014. *Historical Dictionary of Japanese Traditional Theatre (Historical Dictionaries of Literature and the Arts)*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Publishers.
2. Haruo Shirane (ed). 2008. *Traditional Japanese Literature: An Anthology, Beginnings to 1600*. USA: Columbia University Press.
3. Haruo Shirane (ed). 2004. *Early Modern Japanese Literature: An Anthology, 1600-1900*. USA: Columbia University Press.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 40%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 60%

AIG2022: EKONOMI POLITIK KOREA

AIG2022: POLITICAL ECONOMY OF KOREA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Kursus ini mengkaji pelbagai isu ekonomi politik seperti latar belakang pembahagian Korea, peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi, cara pentadbiran setiap pucuk pimpinan kerajaan, proses perjuangan demokrasi, dasar-dasar ekonomi yang dijalankan dan hubungan kerajaan dengan sektor swasta.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

This course examines various political and economic issues such as the division of Korea, the role of government in economic development, administration pattern of each political leadership, process of and struggle for democracy, economic policies implementation and government- private sector relations.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Memahami proses demokrasi di Korea.
2. Menafsirkan hubungan kerajaan dan sektor swasta dalam proses pembangunan ekonomi Korea.
3. Mempamerkan peranan pemimpin negara terhadap proses kemajuan ekonomi politik Korea.
4. Menjejak pelbagai aspek ekonomi politik Korea melalui tugasan.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Understand the process of Korean democracy.*
2. *Interpret the relationship between government and the private sector for economic development of Korea.*
3. *Show the role of national leaders in the process of political and economic development of Korea.*
4. *Trace various aspects of the political economy of Korea through assignments.*

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. UK Heo, Terence Roehrig. 2014. *South Korea's Rise: Economic Development, Power and Foreign Relations*. Cambridge University Press.
2. Barry Eichengreen, Dwight H.Perkins & Kwanho Shin. 2012. *From Miracle to Maturity: The Growth of the Korean Economy*. Harvard East Asian Monographs.
3. Soong Hoom Kil & Chung-in Moon.2001. *Understanding Korean Politics*. State University of New York Press.
4. Daniel Tudor. 2012. *Korea: The Impossible Country*. Tuttle Publishing.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 60%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 40%

AIG2023: TAMADUN KOREA

AIG2023: KOREAN CIVILIZATION

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kandungan utama kursus ini termasuk pengenalan terhadap sejarah asal usul orang Korea, agenda Korea, proses penubuhan kerajaan-kerajaan kuno, penyatuan Korea, dinasti Silla Bersatu, Koryo dan Choson. Selain itu, evolusi dan perubahan budaya masyarakat awal Korea seperti agama, kesusasteraan dan kesenian dari abad sebelum masehi sehingga abad ke-18 juga ditinjau.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course will explore the origins of Korea, its legends, formative process of ancient Korean Kingdoms, unification of Korea, dynasties of Silla, Koryo and early Choson. Evolution and changes of Korean culture such as religion, literature and arts in the old period will also be examined.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan proses pembinaan bangsa Korea. 2. Menunjukkan kefahaman terhadap pengaruh tamadun China ke atas tamadun Korea. 3. Menunjukkan minat dalam kajian perkembangan tamadun Korea dari segi pemikiran, sistem ekonomi, politik dan budaya Korea.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. <i>Elaborate the formation process of the Korean nation.</i> 2. <i>Understand the influences of Chinese civilization on Korean civilization.</i> 3. <i>Demonstrate interest in the study of Korean civilization development from the aspects of economic system, politics and culture.</i>
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Kyung Moon Hwang. 2010. <i>A History of Korea</i>. (Palgrave Essential Histories series). Palgrave Macmillan. 2. Andrew C.Nahm. 1996. <i>A History of The Korean People, Tradition and Transformation</i>. Seoul: Hollym. 3. Han Woo-keum. 1970. <i>The History of Korea</i>. Seoul: The Eul-Yoo Publishing Company. 4. Michael J. Seth. 2010. <i>A History of Korea: From Antiquity to the Present</i>. Rowman & Littlefield Publishers. 5. Jinwung Kim.2012. <i>A History of Korea: From "Land of the Morning Calm" to States in Conflict</i>. Indiana University Press.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 60% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 40%	

AIG2024: EKONOMI KOREA

AIG2024: KOREAN ECONOMY

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kandungan utama kursus ini termasuk kajian terhadap struktur dan dasar ekonomi Korea serta peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi Korea selepas Perang Dunia Kedua sehingga masa kini. Isu-isu ekonomi lain yang penting seperti peranan chaebol, sektor kewangan, perdagangan, hubungan ekonomi luar dan gerakan buruh.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>The main contents of the course include examination of Korean structure and economic policies as well as roles of government in developing the Korean economy after World War Two till the present era. Other economic issues that will be examined include the roles of Chaebol, the financial sector, businesses, international economic relations and labour movements.</i>
---	--

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Memahami strategi dan dasar pembangunan ekonomi Korea. 2. Menafsirkan pertumbuhan ekonomi Korea selepas Perang Dunia Kedua sehingga kini. 3. Menjejak pelbagai aspek dan isu ekonomi Korea melalui tugasan. 4. Menunjukkan peranan kerajaan dan swasta dalam pembangunan ekonomi Korea.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Understand Korean economic development strategies and policies. 2. Interpret Korean economic growth from post World War Two to the present era. 3. Shows roles of the government and private sector in Korean economic development. 4. Explore various aspects and Korean economic issues through assignments.
RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES 1. Cho Soon. 1994. <i>The Dynamics of Korean Economic Development</i>. Washington DC: Institute for International Economics 2. Il-Sakong. 1993. <i>Korea in the world Economy</i>. Washington, DC: Institute for International Economics 3. Harvie, Charles. 2004. <i>The Korean Economy: Post-crisis Policies, Issues and Prospects</i>. Cheltenham, UK: Edward Elgar Pub.	
KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS Penilaian Berterusan / <i>Continuous Assessment</i> : 50% Peperiksaan / <i>Final Examination</i> : 50%	

AIG2025: GLOBALISASI DAN BUDAYA POPULAR KOREA

AIG2025: GLOBALIZATION AND POPULAR CULTURE OF KOREA

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS Kursus ini bertujuan untuk mengkaji proses difusi budaya popular Korea yang dikenali sebagai Korean Wave. Di sepanjang kursus ini, pelajar akan didedahkan tentang pelbagai bentuk budaya popular Korea serta pengaruhnya di dunia antarabangsa. Di samping itu, pelajar juga akan dibimbing tentang kaedah-kaedah untuk menjalankan kajian bagi merungkai persoalan berkaitan dengan budaya popular Korea.	SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS <i>This course aims to study the diffusion process of the Korean popular culture which is called Korean wave. Throughout this course, students will learn various aspects of Korean popular culture as well as its influence globally. In addition, students will be taught research methodology for investigating issues pertaining to Korean popular culture.</i>
HASIL PEMBELAJARAN KURSUS Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Memahami proses menganalisis data kuantitatif dan kualitatif. 2. Menafsirkan keluasan pengaruh budaya popular Korea Selatan di peringkat global. 3. Menjejak pelbagai persoalan berkaitan dengan budaya popular Korea Selatan. 4. Mempamerkan difusi budaya popular Korea Selatan di peringkat global.	LEARNING OUTCOMES <i>At the end of the course, students will be able to:</i> 1. Understand quantitative and qualitative data analysis process. 2. Interpret the growth of the South Korean popular cultural influences at the global stage. 3. Explore various questions regarding South Korean popular cultures. 4. Present diffusion of South Korean popular culture on the global stage.

RUJUKAN UTAMA / MAIN REFERENCES

1. Kuwahara, Yasue (ed). 2014. *The Korean Wave: Korean Popular Culture in Global Context*. Palgrave Macmillan.
2. Kim, Youna. 2013. *The Korean Wave: Korean Media Go Global*. New York: Routledge.
3. Hong, Eunyoung. 2014. *The Birth of Korean Cool: How One Nation Is Conquering the World Through Pop Culture*. New York: Picador.

KAEDAH PENILAIAN / ASSESSMENT METHODS

Penilaian Berterusan / *Continuous Assessment* : 60%
 Peperiksaan / *Final Examination* : 40%

AIG2026: HUBUNGAN KOREA UTARA - KOREA SELATAN

AIG2026: NORTH KOREA – SOUTH KOREA RELATIONS

SINOPSIS KANDUNGAN KURSUS

Selepas tamat kursus ini, diharap pelajar dapat memahami sejarah pembahagian Korea dan perbezaan sistem politik dan ideologi dua Korea. Topik-topik penting seperti perkembangan hubungan di antara dua Korea, campur tangan kuasa asing dalam usaha penyatuan semula Korea, isu senjata nuklear dan keselamatan Semenanjung Korea juga ditinjau.

SYNOPSIS OF COURSE CONTENTS

At the end of the course, students are expected to understand why the Korean peninsula became divided in terms of political systems and ideological orientations. The course includes discussions on inter-Korean relations, foreign intervention in reunification attempts, nuclear crisis and the security of the Korean peninsula.

HASIL PEMBELAJARAN KURSUS

Pada akhir kursus ini, pelajar dapat:

1. Mengkaji semula sejarah hubungan Korea Utara-Korea Selatan dari segi isu-isu politik, ekonomi dan keselamatan kontemporari.
2. Mengilustrasikan masalah dan halangan penyatuan Korea serta usaha-usaha yang telah diambil oleh dua Korea dalam isu penyatuan semula Korea.
3. Menjejak pelbagai aspek berkaitan dengan hubungan Korea Utara-Korea Selatan.
4. Menunjukkan implikasi campur tangan kuasa asing dalam hubungan dua Korea.

LEARNING OUTCOMES

At the end of the course, students will be able to:

1. *Review the inter-Korean relations from the aspect of politics, economic and contemporary issues.*
2. *Illustrate challenges and obstacles to Korean reunification as well as efforts taken by both Koreas to reunite.*
3. *Explore various aspects pertaining to inter-Korean relations.*
